

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR  
AWAM (EKSA) JABATAN TENAGA MANUSIA  
BIL. 2/2023**

<b>Tarikh</b>	<b>:</b>	<b>25 Ogos 2023 (Jumaat)</b>
<b>Masa</b>	<b>:</b>	<b>9.30 pagi</b>
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	<b>Bilik Mesyuarat Utama, Aras 6, JTM</b>
<b>Pengerusi</b>	<b>:</b>	<b>Tuan YBr. Ts Kamaruzaman bin Haji Md Ali Pengerusi</b>
<b>Kehadiran</b>	<b>:</b>	<b>Seperti di LAMPIRAN 1</b>

---

**1. PERUTUSAN Pengerusi**

- 1.1. Pengerusi mengucapkan salam dan memulakan mesyuarat dengan bacaan doa seterusnya mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Jawatankuasa Induk Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) JTM Bil.2 Tahun 2023.
- 1.2. Pengerusi memaklumkan bahawa pelaksanaan EKSA di Ibu Pejabat JTM adalah selari dengan aspirasi Kerajaan untuk 'merakyatkan perkhidmatan' secara menyeluruh melalui pengurusan persekitaran pejabat yang mengambil kira kehendak dan ekspektasi pelanggan. Ia juga dapat membantu JTM merancang dan melaksanakan usaha-usaha meningkatkan imej korporat secara positif, menggalakkan pembudayaan amalan hijau, menyemarakkan budaya kreativiti dan inovasi serta mewujudkan persekitaran tempat kerja yang kondusif. Pelaksanaan EKSA merupakan teknik yang paling berkesan bagi mewujudkan budaya penambahbaikan secara berterusan atau dikenali sebagai 'Kaizen' dalam Bahasa Jepun.
- 1.3. Pengerusi memaklumkan antara tindakan yang telah diambil bagi menjayakan pelaksanaan EKSA di Ibu Pejabat JTM ialah membentuk Jawatankuasa Pasukan EKSA yang terdiri daripada Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Pelaksana di peringkat Zon, mewujudkan zon yang terdiri daripada Zon Diamond, Zircon, Amethyst, Emerald dan Ruby serta mengadakan Majlis Pelancaran EKSA di peringkat Ibu Pejabat JTM pada 04 Mac 2022 dan seterusnya menjalankan aktiviti gotong-royong bagi memulakan pelaksanaan EKSA tersebut. Kali terakhir program EKSA di Ibu Pejabat JTM dilaksanakan adalah pada tahun 2017 dan pengaktifan semula

program EKSA adalah ke arah mencapai inisiatif di bawah Pelan Strategik JTM 2021-2025.

- 1.4. Pengerusi berharap agar pelaksanaan program EKSA dapat berjalan dengan cecap dan lancar dengan komitmen penuh daripada semua warga Ibu Pejabat JTM.
- 1.5. Pengerusi berharap semua pegawai dan kakitangan memberikan kerjasama penuh bagi memastikan objektif pelaksanaan EKSA tercapai iaitu mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selamat, selesa dan kondusif, menerapkan nilai-nilai kreativiti dan inovasi di kalangan warga kerja serta membudayakan amalan hijau di tempat kerja.

## **2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT**

- 2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Induk EKSA JTM Bil.1/2023 bertarikh 03 Februari 2023 disahkan oleh YBrs. Dr. Azmir bin Mohd Yunus dan disokong oleh Encik Noor Imran bin Mohamad.

## **3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

- 3.1 Pengerusi memaklumkan beliau akan membuat lawatan ke setiap zon bagi melihat sendiri pelaksanaan EKSA di Aras 6 dan Aras 8 pada pertengahan bulan September.

**TINDAKAN: Urus Setia/ Setiausaha**

- 3.2 Mesyuarat dimaklumkan Standard Operation Procedure (SOP) dan Safety Work Procedure telah dibangkitkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Pekerjaan Bil.2/2023. Dalam hal ini, Pengerusi meminta agar Jawatankuasa Keselamatan membuat semakan bagi mendapatkan satu ketetapan berkenaan penggunaan SOP dan SWP.

**TINDAKAN: Jawatankuasa Keselamatan**

- 3.3 Mesyuarat dimaklumkan agar setiap zon mengemukakan laporan aktiviti zon di dalam sudut EKSA maya setiap minggu mengikut format yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Standard. Setiap zon perlu memastikan telah memuatnaik laporan aktiviti di dalam sudut EKSA maya mengikut format yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Standard. Dalam hal ini, setiap zon perlu mengikut susunan format laporan aktiviti seperti aktiviti sebelum dan selepas, penambahbaikan, amalan baik dan cabaran.

**TINDAKAN: Semua Ketua Zon**

- 3.4 Jawatankuasa Latihan akan menganjurkan sebanyak dua (2) kursus secara dalam talian bagi tahun 2023 seperti berikut:

Program	Tarikh
Taklimat Penilaian Pemarkahan Dan Tatacara Pengauditan (EKSA)	13 September 2023
Taklimat Pelaksanaan pengauditan (EKSA)	13 September 2023

**TINDAKAN: Jawatankuasa Latihan**

- 3.5 Jawatankuasa Standard memaklumkan sekiranya ada keperluan dalam penambahan dari segi keseragaman, perlulah memaklumkan kepada Jawatankuasa Standard.

**TINDAKAN: Untuk makluman**

- 3.6 Jawatankuasa Audit memaklumkan telah membuat pra audit dalaman EKSA pada 10 Februari 2023 dan markah keseluruhan yang diperolehi adalah sebanyak 66.67%. Dalam hal ini, Pengerusi mencadangkan agar pensijilan MAMPU/KSM harus dijalankan seperti cadangan tarikh berikut:

- a. Pengauditan Sijil : Februari 2024
- b. Audit Pertama : Oktober 2023
- c. Audit Penambahbaikan : November 2023
- d. Audit Kedua : Januari 2024

**TINDAKAN: Jawatankuasa Audit**

**4. HAL-HAL LAIN**

- 4.1. Pengerusi memaklumkan pelaksanaan dan pematuhan kepada panduan EKSA ini agak longgar dan memaklumkan perlu ada tindakan berterusan daripada semua ahli jawatankuasa supaya pelaksanaan EKSA akan tercapai 100%.

**TINDAKAN: Untuk makluman**

- 4.2 Mesyuarat bersetuju dengan cadangan Ketua Jawatankuasa Audit agar satu gotong royong perdana dapat diadakan bagi merencanakan aktiviti EKSA di JTM.

**TINDAKAN: Setiausaha/ Urus setia**

- 4.3 Pengerusi memaklumkan bahawa perlu ada hala tuju dan jadikan pelaksanaan EKSA ini sebagai satu budaya yang harus diamalkan oleh setiap warga JTM.

**TINDAKAN: Untuk Makluman**

- 4.4 Fasilitator membentangkan laporan dan cadangan penambahbaikan aktiviti EKSA JTM seperti di Lampiran. Fasilitator berharap setiap penambahbaikan yang dibentangkan perlu ditambahbaik seperti berikut:

1.	Carta Perbatuan Induk	Tiada Tarikh akhir kemaskini dipaparkan. Tiada Carta Perbatuan Tahun 2023.
2.	Carta Perbatuan 2022 perlu dibaiki	Tiada legend warna. Samakan bilangan Tarikh mesyuarat vs minit. Tandakan bagi pengiktirafan dan penghargaan EKSA. Juruaudit Dalam EKSA. Pemenang Pertandingan EKSA diletakkan pada pengiktirafan.
3.	Laporan	Minit Mesyuarat JK Induk EKSA JTM Bil.3 Tahun 2022 perlu dimasukkan. Jenis Font dan Saiz Font Perlu disamakan.
4.	Jawatankuasa	Perlu diseragamkan. Diletakkan maklumat dan dinyah aktifkan.
5.	Carta Perbatuan Jawatankuasa	Perlu disediakan bagi tahun 2023 untuk JK Latihan, Audit, Keseragaman, Keselamatan.
6.	Jawatankuasa Aktiviti	Perlu ada tarikh pada tajuk. 'maklumat berkaitan pelaksanaan aktiviti jawatankuasa. Perlu disediakan bagi tahun 2023 untuk JK Latihan, Audit, Keseragaman, Keselamatan.
7.	Jawatankuasa Rujukan	- Gambar ahli sedang melakukan aktiviti berkaitan jawatankuasa. Perlu dimasukkan bagi tahun 2023 untuk JK Latihan, Audit, Keseragaman, Keselamatan.
8.	Zon - Carta	Perlu dilengkapkan dan dikemaskini.

**TINDAKAN: Setiap Ketua Zon/ Jawatankuasa**

**5. PENUTUP**

10.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih dan menanggungkan mesyuarat pada jam 11.10 pagi.

Disediakan oleh :




.....  
( **REKHA KANAPATHY** )

Setiausaha

Tarikh : 14/9/23

Disahkan oleh :



.....  
( **Ts. Kamaruzaman bin Haji Md Ali** )

Pengerusi Jawatankuasa Induk EKSA JTM

Tarikh : 14/9/23

Rujukan: JTM/HQ/100-12/10 Jld. 2 ( )

**SENARAI KEHADIRAN:**

- |     |  |                                 |
|-----|--|---------------------------------|
| 1.  | YBrs. Dr. Ts. Kamarulzaman bin Haji Md Ali | - Pengerusi                     |
| 2.  | Dr. Azmir bin Mohd Yunus                   | - Ketua Zon Zircon              |
| 3.  | Cik Junita binti Mohamed Ali               | - Ketua Zon Diamond             |
| 4.  | Encik Noor Imran bin Mohamad               | - Fasilitator                   |
| 5.  | Encik Muhammad Hafiz bin Harun             | - Ketua Jawatankuasa Audit      |
| 6.  | Puan Rekha A/P Kanapathy                   | - Setiausaha JK Induk           |
| 7.  | Encik Zahari bin Jusoh                     | - Penyelaras Zon Zircon         |
| 8.  | Puan Nur Shahida binti Sahlan              | - Penyelaras Zon Diamond        |
| 9.  | Rosmiati binti Ahmad                       | - Setiausaha J/K Promosi        |
| 10. | Puan Nurul Azreen binti Aziz               | - Setiausaha J/K Keselamatan    |
| 11. | Encik Mohd Faizal bin Amat                 | - Setiausaha Zon Zircon         |
| 12. | Encik Muhamad hud bin Mohammed             | - Setiausaha Zon Ruby           |
| 13. | Puan Nor Faizah binti Abdul Karim          | - Setiausaha Zon Amethyst       |
| 14. | Puan Amalina binti Rosdi                   | - Setiausaha Jawatankuasa Audit |
| 15. | Encik Abdul Hadi bin M Sirat               | - Urus setia                    |
| 16. | Puan Khaliza binti Khalid                  | - Urus setia                    |
| 17. | Puan Juliana binti Ali                     | - Urus setia                    |
| 18. | Puan Rozitah Haron                         | - Urus setia                    |
| 19. | Cik Nur Hidayatul Nadzirah binti Amirudin  | - Urus setia                    |
| 20. | Puan Nur Yuzaena binti Mohmed Yusof        | - Urus setia                    |
| 21. | Encik Abdullah Fahim bin Ishak             | - Urus setia                    |

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

- |    |                                      |                               |
|----|--------------------------------------|-------------------------------|
| 1. | Encik Abdul Halim bin Ali Mohammed   | - Ketua Zon Emerald           |
| 2. | Puan Junnaina binti Husin Chua       | - Ketua Zon Amethyst          |
| 3. | Encik Azizul bin Mustafa             | - Penyelaras & Ketua Zon Ruby |
| 4. | Puan Mazra Neesha binti Abdul Hussin | - Ketua Jawatankuasa Latihan  |

Rujukan: JTM/HQ/100-12/10 Jld. 2 ( )

- |                                       |   |
|---------------------------------------|---|
| 5. Puan Hjh Noor Lisa Rahmat          | - Ketua Jawatankuasa Keseragaman (Standard) |
| 6. Puan Saidatina Asmah binti Ajuhary | - Ketua Jawatankuasa Promosi                |
| 7. Encik Rostam bin Hamzah            | - Ketua Jawatankuasa Keselamatan            |
| 8. Puan Siti Norhidayah binti Umar    | - Penyelaras JK Zon Ametyhst                |
| 9. Puan Norliana binti Abu Bakar      | - Setiausaha Jawatankuasa Latihan           |
| 10. Enciik Harma Hazizi bin Md Haris  | - Setiausaha Zon Emerald                    |
| 11. Puan Nurul Azni binti Ab Aziz     | - Setiausaha Zon Amethyst                   |
| 12. Encik Mohd Fazli bin Ramli        | - Jurugambar                                |

### **WAKIL**

- |   |   |
|---|---|
| 1. Puan Surianny binti Samsudin         | - Wakil Zon Emerald                         |
| 2. Encik Jesudian Arulraj a/l Chelliah  | - Wakil Jawatankuasa Latihan                |
| 3. Mohd Norisham Fadhly bin Mat Ariffin | - Wakil Jawatankuasa Keselamatan            |
| 4. Puan Noor Hayati binti Halimi        | - Wakil Jawatankuasa Keseragaman (Standard) |